# HAK PERTAHANAN PERSENDIRIAN




DSP NOOR AZLAN BIN MOHD NOOR
MAKTAB PDRM KKB

# HAK PERTAHANAN PERSENDIRIAN

Terkandung dalam Bab IV Kanun Keseksaan iaitu di bawah tajuk **KECUALIAN AM**



# SEK. 96 KANUN KESEKSAAN

Tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan pada menjalankan hak persendirian.

# SEK. 97 KANUN KESEKSAAN

Hak pertahanan persendirian mengenai tubuh badan dan harta. Namun tertaluk kepada Sek. 99 Kanun Keseksaan.

## HAK PERTAHANAN PERSENDIRIAN MENGENAI TUBUH DAN HARTA

Terbahagi kepada :-

1. Tubuh badan sendiri dan orang lain
2. Harta benda sendiri dan orang lain

Mencuri, rompak, khianat dan pencerobohan jenayah atau mana-mana percubaan mana-mana kesalahan di atas.

# SEK. 98 KANUN KESEKSAAN

Apabila suatu perbuatan yang boleh menjadi kesalahan, tidak menjadi kesalahan itu oleh sebab orang yang melakukan perbuatan itu belum cukup umur, belum cukup akal, tidak sempurna akal, mabuk  atau pun sebab ia salah faham, maka tiap-tiap orang ada hak pertahanan persendirian terhadap perbuatan itu sama seperti ia ada hak sekiranya perbuatan itu boleh menjadi kesalahan itu.

# SEK. 99 KANUN KESEKSAAN

Perbuatan yang tiada hak pertahanan persendirian :-

1. Dilakukan oleh penjawat awam atas kuasa tugasnya yang bertindak secara suci hati
2. Dilakukan atas arahan penjawat awam atas kuasa tugasnya
3. Sempat mendapat bantuan atau perlindungan pihak berkuasa.
4. Tidak boleh melakukan kecederaan atau kerosakan lebih daripada maksud pertahanan

## SEK. 100 KANUN KESEKSAAN

Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh termasuk menyebabkan kematian.

1. Timbul ketakutan kematian akan berlaku akibat serangan tersebut.
2. Timbul ketakutan cedera parah berlaku akibat serangan tersebut
3. Serangan dengan niat merogol
4. Serangan dengan niat meliwat
5. Serangan dengan niat mencolek atau melarikan orang
6. Kurungan yang tidak dapat melepaskan diri.

# SEK. 101 KANUN KESEKSAAN

- Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosokan yang lain daripada kematian
- Selain daripada kesalahan di bawah peruntukan Sek. 100 Kanun Keseksaan

## SEK. 102 KANUN KESEKSAAN

Bila hak pertahanan persendirian mengenai tubuh bermula dan masih ada.

1. Bermula bila timbul ketakutan munasabah kepada kecedaraan tubuh badan / kematian.
2. Terhadap apa-apa percubaan dan ugutan hendak melakukan kesalahaan itu.
3. Hak itu masih ada selagi ketakutan akan bahaya itu masih wujud.
4. Hak itu berakhir setelah ketakutan tersebut tiada / hilang.

## SEK. 103 KANUN KESEKSAAN

Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta termasuk menyebabkan kematian.

1. Rompak
2. Pecah rumah malam hari
3. Khianat dengan api ke atas rumah, khemah, kapal yang dijadikan kediaman
4. Mencuri, khianat atau pencerobohan rumah yang dalam keadaan munasabah menyebabkan ketakutan kematian akan berlaku atau cedera parah.

## SEK. 104 KANUN KESEKSAAN

Bila hak itu termasuk menyebabkan apa-apa kerosakan yang lain selain daripada kematian. Selain daripada kesalahan yang terkandung dalam sek. 103 Kanun Keseksaan.

# SEK. 105 KANUN KESEKSAAN

Bila hak pertahanan persendirian mengenai harta bermula dan masih ada

1. Bermula apabila sesuatu ketakutan yang munasabah akan bahaya kepada harta itu bermula.
2. Penjenayah masih ada dan belum terlepas lari serta bantuan pihak berkuasa belum tiba.
3. Dalam kejadian rompak masih wujud ketakutan terhadap kecederaan / kematian akan berlaku.

## SEK. 106 KANUN KESEKSAAN

Hak pertahanan persendirian terhadap serangan yang boleh menyebabkan kematian bila ada bahaya kerosokan kepada seseorang yang tidak bersalah

1. Serangan yang munasabah menyebabkan kematian
2. Dalam keadaan yang sebegitu rupa, bila masa hendak mempertahankan diri telah menyebabkan kematian kepada orang yang tak bersalah.

# TERIMA KASIH

